

# Laporan FEER berhubung Limbang ② tak berasas - Mahathir

10 MAR 1991

KUALA LUMPUR 9 Mac — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, saman malunya terhadap majalah *Far Eastern Economic Review* (FEER) yang telah diselesaikan di luar mahkamah membuktikan laporan majalah itu mengenai Limbang adalah tidak berasas.

Beliau menjelaskan, pihaknya bukan bertujuan untuk mencari wang dalam mengenakan saman malu terhadap majalah berkenaan tetapi untuk mendapatkan kebenaran.

"Apa yang penting adalah pengakuan FEER bahawa laporan itu tidak berasas dan sanggup membayar gantirugi kos sebanyak \$50,000," katanya kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini.

Saman malu terhadap FEER itu diselesaikan di luar mahkamah setelah kedua pihak bersetuju bahawa Dato' Sri Dr. Mahathir dibayar kos berjumlah \$50,000 dan majalah yang beribu pejabat di Hong Kong itu meminta maaf dalam keluarannya yang akan datang.

Laporan FEER yang disiarkan di bawah tajuk "*Sarawak Sale?*" mendakwa bahawa Dato' Sri Dr. Mahathir mem-

bincangkan kemungkinan menjual Limbang kepada Brunei dengan harga permulaan AS\$6,000 juta semasa lawatannya ke negara itu pada bulan Mac 1987.

Menurut Perdana Menteri, dengan pengakuan ini, matlamat untuk mendapatkan kebenaran telah dicapai.

Menyentuh tentang perkembangan pemberontakan di Iraq, beliau berkata, kerajaan memang gelisah melihat perkembangan di negara itu.

"Kita tahu ada orang-orang Iraq yang memberontak dan saya kluatir tentera Saddam Hussein akan mengambil tindakan keras hingga ramai yang mungkin terbunuh.

"Sebaik-baiknya, rakyat Iraq dapat peluang menyuarakan kehendak mereka," tambah beliau.

Menurutnya, sebagai sebuah negara demokrasi, Malaysia percaya bahawa sesebuah kerajaan itu hendaklah mendapat sokongan rakyat dan kalau rakyat tidak setuju, kerajaan itu hendaklah patuh kepada kehendak rakyat.

Bagaimanapun, jelasnya, Malaysia tidak mahu campurtangan mengenai urusan dalam negeri sesebuah negara.